

Kakitangan awam salah guna kedudukan

PM mahu SPN ambil tindakan lebih tegas

GUA MUSANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan (SPN) seharusnya mengambil tindakan terhadap kakitangan awam negeri yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk tujuan politik.

Katanya, semua pegawai kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dasar dan perintah kerajaan dan bukan menggunakan wang kerajaan untuk menyokong pihak lain, terutama parti pembangkang.

Perdana Menteri berkata sekiranya SPN bertanggungjawab, ia sepa-

daripada kerajaan.

"Kalau dia buat macam itu, ia menunjukkan dia tidak bertanggungjawab. Saya tidak tahu pegawai daerah mana, tetapi kalau ada pegawai daerah yang gunakan kedudukannya untuk kempen untuk dirinya, ini akan merosakkan pemerintahan," katanya.

Mengenai mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Kelantan di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan menyepak persiapan negeri ini dalam menghadapi pilihanraya.

Katanya, beliau mahu semua persiapan

tutnya bertindak terhadap kegiatan sesetengah pegawai kerajaan yang menggunakan kedudukan mereka untuk berkempen politik.

"Kalau mereka tidak bertindak, saya tak tahu apa sebabnya dan ini bermakna mereka mungkin tidak bertanggungjawab," katanya ketika ditanya mengenai adanya pegawai daerah di negeri ini yang menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen dalam politik.

Ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan masyarakat Orang Asli di dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Gua Musang di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, beliau amat dukacita kerana perkara seperti itu berlaku.

"Saya amat dukacita apabila pegawai daerah berkempen politik dan kadang-kadang yang membuat cerita yang tidak tepat, umpamanya ada yang kata pembangunan adalah daripada pegawai daerah dan bukan

menghadapi pilihanraya diselesaikan, termasuk mengesan pengundi yang "hilang" di Kelantan, sebelum beliau menetapkan tarikh pilihanraya umum.

Menurutnya, ada tempat-tempat di negeri ini yang mengalami kehilangan besar pengundi, termasuk satu kawasan yang kehilangan sehingga 4,000 pengundi.

Ditanya bagaimana ia boleh berlaku, beliau berkata, ada orang yang sengaja mendaftar nama-nama pengundi dengan tujuan tertentu.

Bagaimanapun, katanya, masalah mengesan pengundi "hilang" itu, boleh diselesaikan dalam tempoh sebulan.

"Saya hendak supaya semua kerja ini dibesarkan, selepas itu saya bebas untuk buat keputusan bila pilihanraya akan diadakan," katanya.

Ditanya mengenai persiapan parti-parti komponen BN di Kelantan, Perdana Menteri berkata, persiapannya berjalan

lancar dan mereka bersedia menghadapi pilihanraya.

Mengenai perjumpaannya dengan ketua-ketua perhubungan Umno negeri minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia adalah perbincangan awalan mengenai pilihanraya dan ia belum selesai.

Mengenai perjumpaannya dengan beberapa presiden parti komponen BN minggu ini, beliau berkata, ia bertujuan meninjau persiapan masing-masing.

Katanya, perbincangan itu berkisar kepada kesan yang mungkin timbul berikutan pemilihan calon-

calon tertentu bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Malam tadi, Perdana Menteri menghadiri majlis makan malam bersama masyarakat Cina dan India, di dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di sini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata

semua kaum di negara ini bebas menjalankan kegiatan masing-masing dan kerajaan sentiasa mempertimbangkan kepentingan mereka secara adil.

Beliau berkata kerajaan BN yang mewakili semua kaum dapat memberi kesejahteraan kepa-

da rakyat selain menjamin keamanan dan kemakmuran mereka.

Turut berucap di majlis itu ialah Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob.